

# Tuanku Mizan teliti, kuat berfikir

BH-26/4/2007

## Seri Paduka suka bersederhana supaya rakyat tidak berasa wujud jurang

Oleh Hasliza Hassan

**Y**ANG di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin begitu teliti dan mengutamakan pengurusan masa bagi memastikan baginda sampai ke sesuatu destinasi tepat pada waktu selain tidak mahu mengecewakan pihak yang menunggu.

"Tuanku memang cukup jaga ketepatan masa. Itulah keistimewaan Tuanku dan secara tidak langsung kami dididik supaya berdisiplin dan menepati masa. Pengurusan yang cekap juga membantu kami merancang tugas dengan mudah.

"Tuanku juga mahu pastikan orang ramai tidak lama menunggu dan tidak mahu kecewakan mereka," kata Sarjan Syed Jaafar Syed Mohamad, 49, yang menjadi Juruiring Tuanku Mizan sejak 27 tahun lalu.

Katanya, jika Tuanku Mizan ingin keluar jam 8.30 pagi, beliau akan menanti satu jam lebih awal dan memastikan persiapan untuk perjalanan Baginda lancar dan mengikut jadual.

Sebagai juruiring paling lama dan sudah berkhidmat sejak Tuanku Mizan masih bujang, Syed Jaafar berkata, baginda seorang yang teliti dalam semua perkara. Disebabkan sifat telitinya itu, Seri Paduka akan mengumpul dan mendapatkan maklumat dalam semua perkara membabitkan dirinya secara sistematik.

Tidak hairanlah jika pada sesi raptai penuh istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-13, Selasa lalu, baginda turut hadir menyaksikan sendiri sesi latihan dengan pakaian istiadat lengkap dari awal hingga akhir.

Disebabkan begitu teliti juga, Tuanku Mizan menyedari wujud masalah koordinasi bunyian nobat dan lagu Negaraku yang kemudian dimaklumkan kepada Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Wan Mohd Safian Wan Hasan, untuk tindakan sewajarnya.

Seri Paduka juga seorang yang kuat berfikir dan sikap itu menjadikan orang di sekeliling baginda sentiasa dalam keadaan bersedia selain memastikan setiap tugas dilaksanakan secara teratur dan mengikut tertib.

Tuanku Mizan menggalakkan rakyat mengimarahkan masjid melalui contoh teladan yang baik. Ketika menerajui negeri Terengganu, Seri Paduka cenderung dalam aktiviti membabitkan hal keagamaan.

Seri Paduka sendiri menjadikan tugas

melawat dan menunaikan solat Jumaat di masjid sekitar Terengganu sebagai rutin mingguan. Sejak tiga tahun lalu, baginda sudah melawat dan menunaikan solat Jumaat hampir di semua masjid di Terengganu, katanya.

Apabila melawat masjid, Seri Paduka tidak akan membawa pegawai agama istana sebaliknya Baginda mahu imam masjid yang dilawati membacakan sendiri khutbah Jumaat. Baginda juga tidak mahu ada jurang dengan rakyat.

Begitu juga ketika bulan puasa, Tuanku Mizan gemar melawat masjid di kampung-kampung untuk bersama-sama jemaah menunaikan solat sunat Tarawih.

"Apabila orang kampung kata mereka ada sediakan hidangan moreh untuk Tuanku, lazimnya Tuanku tidak pernah menolak. Jika kata di masjid itu jemaah makan sambil bersila, Tuanku akan duduk bersila juga," katanya.

Bagi Syed Jaafar, Tuanku Mizan adalah pemimpin yang bersifat sederhana dan mungkin disebabkan usianya masih muda, Baginda lebih bersikap terbuka dalam hubungan antara pemimpin dengan rakyat yang dipimpin.

Katanya, Tuanku Mizan lebih suka mendengar daripada bercakap menjadikan Seri Paduka tidak mudah marah. Bagaimanapun, baginda akan menegur jika ada perkara tidak berkenan di hatinya.

"Pernah saya melipat lengan kemeja yang dipakai. Tuanku titah kepada saya, 'Sarjan, pakai kemas sikit.' Tuanku memang mementingkan penampilan. Tuanku mahu kita sentiasa nampak kemas dan bergaya," katanya.

Lagi satu keistimewaan Tuanku Mizan ialah sikap ambil berat kebajikan kakitangannya.

Soalan 'Sudah makan ke belum' adalah soalan pertama yang ditanya kepada pegawai pingirng setiap kali selesai majlis yang dihadapinya.

Walaupun menggemari makanan Barat seperti pasta, Tuanku Mizan tidak pernah melupakan masakan tradisional apatah lagi budaya negeri yang terkenal dengan keropok lekong.

Ini terserlah apabila Seri Paduka mencadangkan penggunaan nobat dari Terengganu untuk upacara istiadat pertabalan. Tuanku Mizan turut menghidangkan nasi dagang, menu popular rakyat Terengganu kepada rombongan dari Brunei yang menghadap Tuanku, baru-baru ini.

Tuanku Mizan memang mementingkan hubungan kekeluargaan dan kerap membawa Permaisuri serta anakanda baginda berkelah di pantai peranginan terkenal di Terengganu.

Di sana, Seri Paduka akan membentangi tikar dan duduk menikmati keindahan serta suasana tepi pantai bersama keluarga. Selalunya, kehadiran kerabat diraja itu disedari pengunjung lain tetapi mereka akan memberi ruang baginda beristirahat.

Syed Jaafar berkata, beliau bersyukur dan berterima kasih dapat menaburkan khidmat bakti kepada Tuanku Mizan, serta berdoa baginda dan keluarga sentiasa diberkati Allah.

Sementara itu, *Bernama* melaporkan bahawa tukang masak Istana Terengganu, Chef Nazrul Hazel, berkata makanan laut dan hidangan makanan Barat terutama pasta adalah makanan kegemaran baginda.

Namun, Seri Paduka tidak gemar makanan berlemak atau pedas manakala Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah pula tidak cerewet dan gemar masakan Melayu dan makanan Barat.

Bagi Tufail Ahmad Ashtul, 68, yang menjadi tukang gunting rambut Tuanku Mizan sejak zaman kanak-kanak lagi pula berkata: "Seri Paduka memanggil saya ke istana sebulan atau dua bulan sekali. Seri Paduka menggemari potongan rambut pendek dan kemas.

"Seri Paduka tidak sombong dan setiap kali saya menggunting rambut, Tuanku Mizan gemar mengimbau kisah silam Seri Paduka ketika zaman kanak-kanak," katanya.

Tufail, yang dipanggil Taufik oleh Seri Paduka, berkata beliau berasal dari India Utara dan berhijrah ke Terengganu ketika berusia 14 tahun kerana mengikut abang dan bapa saudaranya yang tiba di negeri itu lebih awal.

Selain memotong rambut Seri Paduka, Tufail juga bertanggungjawab memotong rambut anakanda Seri Paduka iaitu Tengku Mohammad Ismail, 9; Tengku Muhammad Mua'az, 7.

Tufail, yang bersekolah sehingga darjah empat di Sekolah Grammar, Kuala Terengganu, belajar teknik menggunting rambut daripada abangnya, Abdul Samad dan sepupunya, Mohd Idris Biku yang ketika itu menjadi tukang gunting rambut untuk nenda Tuanku Mizan, Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah.



“Tuanku juga mahu pastikan orang ramai tidak lama menunggu dan tidak mahu kecewakan mereka”

Sarjan Syed Jaafar  
Syed Mohamad  
Juruiring Tuanku Mizan

“Setiap kali saya menggunting rambut, Tuanku Mizan gemar mengimbau kisah silam”

Tufail Ahmad Ashtul  
Tukang gunting rambut  
Tuanku Mizan

“Makanan laut dan hidangan makanan Barat terutama pasta adalah makanan kegemaran baginda”

Chef Nazrul Hazel  
Tukang masak Istana Terengganu